

Memerangi Jenayah

Penglibatan Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye dalam kegiatan bersabit pencegahan penyalahgunaan dadah bermula apabila Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Megat Junid bin Megat Ayob, Yang DiPertua Ketiga Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) telah menjemput beliau untuk menganggotai pertubuhan tersebut. Peranan dan tugas utama PEMADAM adalah pendidikan pencegahan dan penyebaran maklumat mesej antidadah. Untuk mencapai matlamat ini, PEMADAM memberi fokus kepada belia, pelajar, pekerja, pendidik dan ibu bapa. Sepanjang 12 tahun menjadi ahli dan Naib Yang DiPertua PEMADAM, beliau telah memberikan pelbagai saranan bagi menangani isu penagihan dadah di Malaysia. Pada tahun 2000, beliau telah menyeru kepada para majikan agar mengambil serius akan masalah penagihan dadah di tempat kerja memandangkan pada ketika itu didapati daripada 35,359 penagih dadah yang dikesan pada tahun 1999, didapati 85.1% adalah mereka yang bekerja dalam pelbagai sektor. Justeru, para majikan telah disarankan agar mengadakan program kaunseling atau menghantar pekerja bermasalah ke pusat pemulihan dadah. Setelah Kod Amalan Pencegahan dan Pembasmian Penyalahgunaan Dadah, Alkohol dan Bahan di Tempat Kerja di Malaysia diperkenalkan pada tahun 2005, didapati bilangan penagih dadah dari semua sektor dikesan menurun iaitu daripada seramai 12,352 yang dikesan pada tahun 2008, yang mana golongan penagih bekerja adalah sebanyak 79.4%.

Namun demikian, statistik rasmi penagihan dadah hanya satu helaian perca dari realiti gejala sosial tersebut di Malaysia. Baru-baru ini Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) menyatakan bahawa masalah penagihan dadah adalah masalah sosial nombor satu di Malaysia sejak tiga dekad yang lalu. Tan Sri Datuk Seri Panglima Lee Lam Thye yang telah diberi mandat selaku Naib Pengerusi MCPF, menyatakan bahawa penyalahgunaan dadah menimbulkan masalah besar kepada negara terutamanya mereka yang berusia antara 19 hingga 39 tahun yang merupakan 72 peratus daripada penagih di negara ini. Sebagai seorang yang

konsisten dalam memperjuangkan kebajikan dan hak asasi manusia, beliau telah menyarankan agar kerajaan memperkenalkan polisi pengambilan bekas penagih dan banduan untuk bekerja dalam sektor awam. Saranan kepada kerajaan sebagai majikan terbesar di Malaysia boleh menjadi *role model* kepada majikan swasta untuk memberi ruang dan peluang kepada golongan ini berubah ke arah kehidupan yang lebih positif. Polisi kebajikan sebegini tidak bersifat menghukum, malah memberikan sokongan moral selaras dengan matlamat menjadi masyarakat prihatin Malaysia.

Selain itu, beliau turut menyokong tindakan kerajaan dalam meminda Sekyen 294 Kanun Tatacara Jenayah dalam usaha menangani kes rogol bawah umur. Menurut beliau, kes rogol terutama yang melibatkan mangsa kanak-kanak bawah umur 16 tahun merupakan satu kesalahan yang serius di mana pesalah tidak boleh dilepaskan dengan hukuman ringan walaupun pesalah itu baru pertama kali melakukannya. Justeru, pesalah wajib dikenakan hukuman penjara dan tidak dibenarkan ikat jamin, serta harus menghapuskan bon jaminan berkelakuan baik atas budi bicara hakim.

Antara lain tujuan penubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia adalah untuk mengurangkan jurang di antara polis dengan masyarakat. Selaku Naib Pengerusi MCPF, beliau melihat tugas tersebut bukanlah mudah namun ia masih perlu dilaksanakan memandangkan usaha mendidik masyarakat untuk pencegahan jenayah, tidak dapat tidak, wajib melibatkan peranan pihak polis. Selain mengadakan dialog dengan persatuan penduduk, MCPF turut bekerjasama dengan organisasi bukan kerajaan berkaitan untuk meningkatkan kesedaran pencegahan jenayah di peringkat sekolah. Sebagai aktivis sosial, matlamat mencapai 'jenayah sifar' dalam masyarakat adalah suatu yang bersifat utopia namun usaha meminimumkan jenayah melalui pendidikan merupakan suatu langkah yang baik, terutama sekali jika diterapkan kepada generasi muda di peringkat sekolah. Justeru itulah, kelab antijenayah telah diperkenalkan di sekolah-sekolah bagi mendedahkan para pelajar akan kepentingan pencegahan jenayah dan seterusnya memungkinkan budaya pencegahan

jenayah tersemai dalam masyarakat pada masa hadapan. Sebagai menghargai sumbangan beliau dalam meningkatkan kesedaran bersabit pencegahan jenayah di Malaysia, beliau juga telah dianugerahkan pingat Rakan Polis pada Mac 2012.



Di kamar Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Azmi.

Penghargaan terhadap jasa bakti beliau telah banyak diiktiraf oleh pelbagai pihak. Bermula dengan penganugerahan pertama Ten Outstanding Young Malaysian Award oleh Jaycees Malaysia pada tahun 1986, anugerah Onn Jaafar Lifetime Achievement Award daripada Malaysiana Muda atas sumbangan ke arah pembangunan dan perpaduan masyarakat di Malaysia (1991), penerima Consumer Personality Award atas sumbangan dalam bidang kepenggunaan (1995), penerima Rotary Paul Harris atas khidmat masyarakat yang aktif (1996), penerima Sree Narayana Guru Award dari Guru Dharma Society atas sumbangan khidmat kemanusiaan dan kemasyarakatan (1997), penerima Lions International Melvin Jones Fellowship sebagai pengiktirafan khidmat beliau kepada masyarakat di Malaysia (2002), penerima Malaysia Medical Association

(MMA) Healthcare Services Award (2004), penerima Sathya Sai Life Humanitarian Award (2006), dianugerahkan Toastmasters International Communication and Leadership Award oleh T1 District 51 atas sumbangan dan iltizam beliau dalam bidang pendidikan, pembangunan manusia, hal ehwal kesihatan dan keselamatan serta keprihatinan sosial (2009) dan anugerah Brandlaureate Brand Icon Leadership Award (2011).




Jati diri: Latihan menembak di Program Latihan Khidmat Negara.

Beliau merupakan seorang yang berdisiplin, berdedikasi dan bersemangat juang yang tinggi dalam memperjuangkan jati diri anak bangsa Malaysia melalui Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Program ini dilaksanakan bagi mencapai objektif meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional, membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni, menyemarakkan semangat kesukarelaan, melahirkan generasi muda yang lebih cergas, cerdas dan penuh keyakinan diri. Selama tiga tahun (Jun 2005 – Jun 2008) beliau menerajui Majlis Khidmat Latihan Negara, beliau mengakui jawatan tersebut sangat mencabar dan melatih

lebih 100,000 anak muda dalam masa tiga bulan benar-benar menjadi ujian untuk beliau. Pun begitu, beliau tetap menjalankan tugas dengan dedikasi dan komitmen yang tinggi.

Beliau turut berperanan dalam memotivasikan golongan belia negara. Di samping itu, melalui program tersebut dapat memupuk semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat. Malahan, beliau juga merupakan *role model* yang harus dicontohi kerana semangat yang ada dalam dirinya. Beliau menegaskan integrasi semua kaum di Malaysia adalah amat penting untuk memastikan kejayaan negara Malaysia dalam segenap aspek. Beliau percaya, kepelbagaian etnik di Malaysia bukanlah satu penghalang bagi mewujudkan ikatan silaturahim yang harmoni, malah ia merupakan satu kekuatan. Baginya perpaduan bukanlah sesuatu yang mustahil diwujudkan dalam negara yang majmuk. Buktinya, Malaysia telah berjaya mengekalkan keamanan melalui PLKN. Hasilnya, lahirlah modal insan yang cemerlang, gemilang dan terbilang menerusi program ini seiring dengan Gagasan 1Malaysia yang turut menggariskan objektif yang serupa.



Bersama YAB Perdana Menteri Malaysia.

Ketabahan dalam mengharungi masalah dan cabaran yang mendatang. Rakyat Malaysia seharusnya bersifat tidak mudah mengaku kalah, sebaliknya perlu memiliki keyakinan diri yang tinggi serta semangat juang yang kental dalam apa jua bidang yang diceburi. Perjuangan beliau mengajarnya erti sebenar penggembleran semangat bekerja keras, dedikasi serta tabah menghadapi segala rintangan dan dugaan merupakan ramuan yang terbaik dalam mencapai sesuatu matlamat. Ketabahan dalam menghadapi perubahan peribadi wajar dijadikan wadah bagi memperbetulkan kesilapan atau kegagalan perkara-perkara yang terdahulu. Sikap mudah mengalah, kecewa dan berserah kepada takdir perlu dikikis jika ingin maju dan berjaya.

Semangat juang yang tinggi dan berpendirian teguh perlu ada bagi mencapai kejayaan diri, masyarakat dan negara. Beliau menegaskan semua rakyat Malaysia perlu memiliki integriti yang tinggi dalam melaksanakan sebarang tugas dan tanggungjawab agar bangsa dan negara sentiasa disegani dan dihormati oleh semua pihak. Integriti merangkumi sifat-sifat amanah, bersih dan cekap dalam melakukan sebarang tugas dan melaksanakan tanggungjawab. Rakyat dari segenap lapisan masyarakat perlu berusaha memperbaiki kesilapan dan setiap perkara serta tindakan yang gagal atau salah perlu diperbaiki bagi mendapatkan hasil yang lebih sempurna. Semua pihak perlu turut bersedia menerima kritikan dan teguran dengan hati yang terbuka walaupun perkara ini sukar diterima oleh sesetengah pihak. Segala kritikan dan teguran perlu dijadikan iktibar dan panduan untuk membetulkan kesilapan dan kesalahan yang dilakukan. Kemampuan seorang pekerja sosial untuk menyetepikan kepentingan peribadi dalam segala tindakan dan perlakuan. Kepentingan masyarakat dan negara perlu diletakkan untuk mengatasi segala kepentingan lain. Sifat ingin mengutamakan diri, keluarga dan kelompok tertentu perlu dijauhi. Inilah sifat-sifat yang mesti ada pada seorang aktivis sosial yang berjaya.

Mengenai kelas sosial, dalam melihat kepentingan kebajikan pekerja, beliau faham akan fakta perbezaan stratifikasi sosial yang sebenarnya tidak membezakan nilai-nilai kemanusiaan yang ada dalam diri

seseorang pemimpin. Keprihatinan kepada semua kaum tanpa mengira latar belakang dan demografi sekumpulan masyarakat bukanlah satu halangan bagi pemimpin dalam menyatupadukan rakyat untuk mencapai keharmonian negara, sekali gus memperjuangkan hak-hak yang patut diterima secara sama rata oleh semua lapisan masyarakat. Hal ini amat penting bagi sebuah negara seperti Malaysia.

Beliau boleh dianggap sebagai seorang tokoh yang begitu tekun dalam memberi khidmat sumbangan kepada sesiapa sahaja yang memerlukan. Beliau yang memperjuangkan hak-hak golongan miskin merupakan salah satu anjakan perubahan ke arah yang lebih baik yang diterima oleh golongan seperti mereka. Sikap beliau ini seharusnya menjadi contoh dan teladan kepada semua lapisan umum masyarakat. Hal ini demikian kerana tidak semua mempunyai nasib yang sama dan seharusnya sikap tolong-menolong itu perlu ada dalam diri individu itu. Keprihatinan beliau terhadap kehidupan masyarakat yang berada dalam serba kekurangan yang sememangnya mengharap mereka yang sudi memberikan ruang masa untuk bersama-sama berkongsi masalah dan mendengar luahan perasaan berkenaan kesusahan hidup yang dihadapi.

Dengan adanya seseorang yang sanggup meluangkan masa bersama akan dapat mengurangkan kesusahan dan meringankan beban. Walaupun ia tidak sepenuhnya menyelesaikan masalah mereka, sekurang-kurangnya dapat melegakan penderitaan mereka mengenai dilema yang dipendam selama ini. Sebagai ikon aktivis sosial negara, beliau merupakan seorang tokoh yang dianggap berhati mulia dan mempunyai watak kepimpinan yang penuh karismatik. Beliau memberikan bantuan sewajarnya kepada masyarakat tanpa mengira warna kulit dan bangsa mereka. Tanggungjawab yang dijalankan amat memberi kesan positif kepada masyarakat. Seterusnya, beliau juga amat berdedikasi apabila beliau bukan sahaja memberi pertolongan malah bersama-sama mendengar pendapat dari masyarakat setempat. Nilai-nilai peribadi beliau yang sentiasa menjadi pegangan hidupnya ialah disiplin diri, kerendahan hati, pemahaman, penyayang, kejujuran, saling hormat menghormati, kesabaran, keamanan, mempunyai standard moral tinggi dan refleksi diri dalam segala hal.